

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	07 MARCH 2017

Malaysia tegas soal kedaulatan, maruah

BH - 7/3/2017

➔ Tiada permohonan maaf diterima daripada kedutaan Korea Utara

Oleh Nazura Ngah,
Mohd Nasaruddin Parzi,
Safeek Affendy Razali
dan Faris Fuad
bhnews@bh.com.my

➔ Kuala Lumpur

Malaysia memutuskan untuk mengusir Duta Besar Korea Utara, Kang Chol atas prinsip mempertahankan maruah dan kedaulatan negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri

Najib Razak.

"Itu keputusan yang kita buat atas soal prinsip. Kita adalah sebuah negara yang berdaulat dan sesiapa yang dihantar ke Malaysia mestilah menghormati negara kita. Tiada sesiapa boleh menghina dan memperkotak-katikkan negara kita.

"Kalau dia (Kang Chol) buat tuduhan tidak berasas maka dia kena minta maaf, namun dia enggan. Maka, berdasarkan prinsip itu, kita ambil tindakan isytihar persona non grata," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, semalam.

Najib berkata, Malaysia juga akan menentukan tindakan susulan selepas pengusiran Kang Chol.

Buat tuduhan melulu

Perdana Menteri berkata, ia berikutan tiada permohonan maaf diterima Malaysia setakat ini sama ada daripada kedutaan Korea Utara di sini, mahupun Pyongyang.

Beliau mengulas langkah kerajaan mengusir Kang Chol, Sabtu lalu. Kang Chol sebelum itu membuat tuduhan melulu dan tidak berasas terhadap Kuala Lumpur berhubung siasatan kes pembunuhan warga Korea Utara, Kim Jong-nam pada 13 Februari lalu.

Dalam pada itu, dalam temu bual dengan stesen televisyen Arab Saudi, *Al Arabiya*, Perdana Menteri berkata Malaysia tidak boleh menyerahkan mayat lelaki warga Korea Utara itu kepada mana-mana pihak selagi identitinya tidak dapat disahkan.

Beliau berkata, ujian Asid Deoksiribonukleik (DNA) perlu dilakukan untuk mengenal pasti identiti sebenar mangsa.

"Ini adalah prosedur yang ditetapkan mengikut undang-undang negara ini dan pihak berkuasa sedang menunggu sampel DNA untuk pengesahan mayat.

"Malaysia mengambil pendirian serius dalam siasatan kes pem-

bunuhan itu.

"Semua individu yang bertanggungjawab atas kejadian itu akan didakwa mengikut prosedur undang-undang negara ini sekiranya mereka didapati bersalah," katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata Malaysia tidak pernah mencari masalah dengan mana-mana negara dan hubungan diplomatik pada peringkat antarabangsa selama 60 tahun adalah komitmen negara ini.

Namun, katanya, jika ada negara tertentu menjadikan Malaysia sebagai fokus serangan, kononnya negara memanipulasi satu kes pembunuhan, maka Malaysia wajar menghantar mesej jelas dari sudut hubungan diplomatik.

"Perdana Menteri merasakan keputusan Jemaah Menteri sebagaimana diumumkan (Menteri Luar), Datuk Seri Anifah Aman untuk mengusir duta itu (Korea

Utara) adalah sesuatu yang jarang dilakukan mana-mana negara.

"Kecuali dalam satu-satu kes itu di mana duta yang seharusnya memohon maaf tetapi enggan berbuat demikian, sebaliknya melakukan serangan sehingga menimbulkan persepsi berbeza terhadap negara kita," katanya.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata negara lain juga akan mengambil tindakan sama seperti Malaysia jika mana-mana individu terus mempersoalkan kredibiliti dan kedaulatan negara berkenaan.

Beliau berkata, seluruh dunia tahu akan tindakan Malaysia berbuat demikian atas dasar kewajaran untuk terus mempertahankan kedaulatan dan undang-undang.

➔ Wawancara Al Arabiya mengenai hasil lawatan Raja Arab Saudi ke Malaysia di Ms.11